

MPC(MyBPRC) 800-2/1/9

8 Jun 2020

Pn. Atikah Suleiman
Pengarah Urusan
Tamuasla Dot Com Ventures
No.6-2, 3 Elements
Persiaran Putra Damai
Pusat Bandar Putra Pinnai
43300 Seri Kembangan, Selangor.

**LANTIKAN SEBAGAI PEMBEKAL BAGI MEREKABENTUK LAYOUT & INFOGRAFIK
UNTUK PENERBITAN 12 E-ARTIKEL AMALAN TERBAIK PROJEK SHOWCASING
MALAYSIA'S TOURISM HEROES VOL II (EBOOK)**

Adalah saya dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) yang merupakan agensi dibawah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) telah merancang untuk penerbitan e-artikel Amalan Terbaik Nexus Tourism 2020.
3. Di antara objektif projek penerbitan ini adalah untuk mendokumentasikan dan penyebaran amalan terbaik yang dilaksanakan oleh organisasi terpilih di bawah Nexus Tourism.
4. Bagi tujuan tersebut, MPC ingin melantik puan sebagai pembekal yang akan melaksanakan aktiviti merekabentuk layout dan infografik bagi 12 artikel amalan terbaik Tourism untuk projek Showcasing Malaysia's Tourism Heroes Vol II (EBook) ini. Bersama-sama ini disertakan terma rujukan untuk makluman puan.
5. Pembayaran untuk tugas merekabentuk artikel adalah berdasarkan kepada 12 artikel amalan terbaik yang telah siap direkabentuk layout berserta infografik untuk EBook ini. Ini bermakna, jumlah keseluruhan maksimum yang akan dibayar oleh MPC adalah sebanyak RM19,980.00. Pembayaran akan dibuat pada tahun ini setelah semua artikel telah siap direkabentuk layout dan penghasilan infografik bagi EBook seperti spesifikasi penerbitan yang dikehendaki oleh MPC.


6. Puan dimohon untuk melengkapkan Borang Setuju Terima Tawaran MPC dan menghantar borang tersebut kepada Ummu 'Ammarah Basyirah Hashim (email: ummu@mpc.gov.my) selewatnya 15Jun 2020. Pihak puanjuga boleh menghubungi pegawai tersebut di talian 03-79512461 untuk maklumat lanjut mengenai tugas ini.

Pertimbangan dan kerjasama puan amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

" MEMACU PRODUKTIVITI NEGARA"

Saya yang menurut perintah,



(Nur Hanim Abd Ghani)
Bp Ketua Pengarah
Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC)